

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

SOALAN

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) bilakah projek LRT Pulau Pinang akan dilaksanakan dan perincian kos projek yang terlibat; dan
- (b) senaraikan EIA, SIA dan TIA yang telah diluluskan dan mengapa jajaran LRT tidak merangkumi keseluruhan Seberang Perai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Projek LRT Pulau Pinang atau dikenali sebagai LRT Laluan Mutiara akan bermula pada suku ke-4 tahun 2024 dengan pembinaan Segmen 1 iaitu dari Pulau Silikon ke Komtar. Tender-tender untuk Segmen 2 iaitu Komtar ke Penang Sentral dan sistem rel dijangka bermula pada akhir tahun 2024.
2. Di samping itu, proses pengambilan tanah juga akan dimulakan pada September 2024 dan dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan. Projek LRT Laluan Mutiara ini dijangka siap sepenuhnya dan akan mula beroperasi menjelang 2030.
3. Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya projek LRT Laluan Mutiara ini dilaksanakan dengan anggaran kos sebanyak RM10.5 bilion hingga RM13.03 bilion melibatkan 3 kontrak *turnkey* utama iaitu kerja-kerja pembinaan sivil termasuk depoh penyelenggaraan (*Maintenance Depot*) (2 kontrak) serta kerja-kerja sistem dan stokereta (*rolling stock*). Perincian butiran kos dan kos akhir yang sebenar adalah tertakluk kepada keputusan tender-tender yang akan dijalankan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Skim Keretapi, EIA, TIA dan SIA untuk Segmen 1 yang sedia ada telah diluluskan pada tahun 2018. Bagi Segmen 2 pula, Skim Keretapi, EIA, TIA dan SIA sedang di dalam peringkat penyediaan dan penyelarasan bagi mendapatkan kelulusan kelak.
5. Fokus Kerajaan pada masa kini adalah untuk menyiapkan jajaran LRT Laluan Mutiara yang telah diluluskan. Sebarang perancangan untuk memperluaskan jajaran ini akan dipertimbangkan kelak dan memerlukan kajian kebolehlaksanaan terperinci dilaksanakan terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.